



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Kabel cas telefon bimbit

SEBELUM ini, kebanyakan telefon bimbit menggunakan jenis kabel pengecasan *sepaksi* atau *coaxial* yang mempunyai saiz fizikal tertentu bergantung kepada jenis pengeluarannya seperti Nokia, Ericsson dan Motorola.

- Ingin tahu, KL.

Kebanyakan telefon bimbit masa kini menggunakan jenis kabel pengecasan berjenis USB mikro. Kabel pengecasan jenis USB (*Universal Serial Bus*) ini mempunyai beberapa jenis seperti USB 1.0, USB 2.0 dan USB 3.0. Setiap satu jenisnya mempunyai spesifikasi kuasa yang tersendiri seperti USB 2.0 dalam penggunaan kuasa sebanyak 500 mA dan USB 3.0 dalam lingkungan 900 mA sehingga 1,500 mA.

Oleh itu, bagi setiap jenis kabel pengecasan USB mikro jenis B ini, kelihatan fizikalnya sama tetapi spesifikasinya hampir tidak sama antara setiap pengeluar telefon bimbit. Oleh itu, beberapa perkara perlu dilihat untuk menggunakan mana-mana kabel pengecasan mikro USB ini agar sesuai dengan telefon bimbit yang digunakan seperti *input* kuasanya, *output* voltannya dan *ouput* Amperage.

Kabel pengecasan USB bagi telefon bimbit mempunyai beberapa jenis penyambung yang dikenali sebagai USB jenis A, USB mikro jenis A, USB mini jenis A, USB jenis B, USB mikro jenis B, mini USB jenis B, Standard-B USB, USB jenis C dan USB dagangan. Kabel pengecasan USB dagangan ini kelihatan sama fizikalnya tetapi tidak mengikut spesifikasi kabel USB yang telah ditetapkan oleh badan bertanggungjawab dan merupakan keluaran bagi pengeluar telefon bimbit tertentu.

Kabel USB jenis A banyak digunakan dalam penggunaan peranti bersama komputer seperti storan, tetikus dan pencetak. Kabel USB jenis B banyak digunakan untuk telefon bimbit, kamera digital dan lain-lain.

Kabel pengecasan USB jenis C merupakan jenis kabel USB yang terkini digunakan dalam telefon bimbit keluaran terkini. Jenis kabel ini menyokong jenis USB 3.1 yang memberikan lebih kepantasan dalam pemindahan data berbanding yang lain.

Kabel jenis ini juga tidak mempunyai permukaan tertentu untuk atas atau bawah seperti kabel USB sebelum ini. Hanya sistem pengoperasian Android 7.0 Nougat dan Android 6.0 Marshmallow yang menyokong kabel USB jenis C ini. Terdapat juga kabel jenis pengecasan yang digunakan oleh telefon bimbit keluaran syarikat LG dan Samsung menggunakan jenis kabel D *Subminiature* yang fizikalnya berbeza-beza antara satu model dengan model yang lain.

Bagi peranti keluaran Apple seperti iPhone dan iPad, menggunakan kabel pengecasan berjenis *lightning* yang saiznya seakan sama dengan kabel mikro USB B.